

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]

TARIKH : 15 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pengangguran terkini dan usaha/rancangan Kementerian dalam menangani masalah pengangguran rakyat Malaysia khas golongan muda yang semakin meningkat akibat pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan data terkini Survei Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran pada suku kedua 2021 menurun 0.3 peratus kepada 4.8 peratus berbanding 5.1 peratus pada suku kedua 2020.

Kadar pengangguran belia berumur 15-24 tahun pula menurun 1.5 peratus kepada 11.0 peratus pada suku kedua 2021 berbanding suku kedua 2020 iaitu 12.5 peratus.

Pelbagai program bantuan dan pakej rangsangan telah diumumkan oleh Kerajaan dalam usaha untuk mengurangkan impak pandemik COVID-19 serta membantu rakyat termasuk golongan muda mendapatkan pekerjaan. Antaranya adalah melalui pakej bantuan tambahan iaitu **PERMAI** (Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia), **PEMERKASA** (Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi), dan **PEMERKASA Tambahan** (Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan) serta Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi atau **PEMULIH**.

Kerajaan telah memperluaskan **Elaun Mencari Pekerjaan kepada bukan pencarum PERKESO** terutamanya graduan baharu, lepasan sekolah dan pekerja sektor tidak formal. Elaun sekurang-kurang **RM300** diterima apabila mereka mendaftar di bawah platform MyFutureJobs.

Skop insentif pengambilan pekerja turut diperluas meliputi pekerjaan sementara dan pekerjaan *gig* oleh PERKESO iaitu:

- (i) menyediakan peruntukan RM300 juta yang akan memanfaatkan 60,000 pekerja, di mana setiap pekerja akan menerima RM600 sebulan selama tempoh maksimum enam (6) bulan; dan

SOALAN NO : 56

- (ii) bagi majikan yang menawarkan pekerjaan jangka pendek ataupun platform penyedia perkhidmatan gig yang berdaftar dengan PERKESO, mereka akan menerima RM200 bagi setiap pekerja yang ditempatkan.

Selain itu, **sejumlah RM125 juta** diperuntukkan kepada Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) untuk melaksanakan inisiatif ***Place and Train*** di bawah Program Janapreneur terutama kepada belia lepasan sekolah dan graduan. Inisiatif ini dijangka akan membuka peluang kepada **30 ribu orang** untuk mengikuti program latihan dengan jaminan pekerjaan setelah tamat latihan.

Kerajaan juga berusaha meningkatkan ketersediaan dan kebolehpasaran bakat melalui pemerksaan elemen kemahiran sendiri, kemahiran dan kompetensi selaras dengan keperluan pasaran pekerjaan semasa melalui inisiatif berikut:

- (i) Platform ***UpskillMalaysia*** di bawah PSMB yang berperanan sebagai pusat maklumat bagi program peningkatan kemahiran dan latihan semula. Program *upskilling* dan *reskilling* disediakan kepada golongan pekerja untuk mempertingkatkan kemahiran mereka bagi menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan kerja masa hadapan serta persekitaran global yang semakin kompetitif dan dinamik;
- (ii) Memperluaskan akses kepada warganegara untuk mendapat **Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET)**. Sehingga kini, terdapat 562 buah Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) telah ditubuhkan di seluruh negara dengan pelbagai kursus kemahiran ditawarkan mengikut keperluan industri;
- (iii) **Nurturing EXpert Talent (MYNext)**: MYNext adalah platform setempat bagi solusi bakat bersepadu dan data analitis yang

SOALAN NO : 56

menggabungkan graduan, pekerja, syarikat dan institusi Pendidikan.

Fokus utama adalah untuk merapatkan jurang di antara penawaran bakat di Malaysia dengan pekerjaan masa hadapan (*future jobs*). MYNext juga bertindak sebagai portal bagi memudah cara latihan industri di peringkat nasional;

- (iv) **Program Latihan Industri Berstruktur (*Structured Internship Programme - SIP*)**: Selaras dengan aspirasi Kerajaan dalam aspek bakat sedia-industri, inisiatif SIP bertindak sebagai penggalak kepada penyertaan dan penglibatan syarikat serta industri untuk melatih bakat muda negara.

Ia menawarkan lebih banyak peluang penempatan latihan industri berkualiti melalui insentif potongan cukai berganda. SIP telah memanfaatkan lebih **90,000 bakat graduan** untuk menyempurnakan Latihan Industri secara lebih berstruktur bersama syarikat dan pemain industri tempatan;

- (v) **Young Employable Students (YES!)**: Sebagai langkah intervensi proaktif dengan penerapan elemen pendedahan aspek kebolehpasaran, graduan negara melalui kerjasama rakan kolaborasi strategik dapat meningkatkan ketersediaan bakat sebelum melangkah ke pasaran pekerjaan. Ia menerapkan elemen kepimpinan, bimbingan kerjaya, bengkel *soft-skills* berkaitan kerjaya, keusahawanan dan pendedahan kepada perkembangan semasa pasaran pekerjaan. Sejak dilaksanakan pada Oktober 2019, Inisiatif YES! telah memberi nilai tambah kepada lebih **10,000 bakat graduan** di insituti pengajian tinggi awam dan swasta; dan

SOALAN NO : 56

(vi) **Kolaborasi Industri-Akademia (IAC):** Jalinan kerjasama industri untuk kebolehpasaran siswazah bagi memastikan bekalan modal insan berprestasi tinggi dan sedia untuk pasaran di Malaysia. **TalentCorp berfungsi sebagai fasilitator dan penggerak** bagi menjayakan pelaksanaan program secara menyeluruh secara kolaborasi bersama institusi. Objektif utama program ini adalah untuk:

- a. **Melahirkan pelajar/ graduan berkemahiran** yang memenuhi permintaan industri selaras dengan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0);
- b. **Mengukuhkan hubungan dua hala** antara industri dan institut-institut latihan TVET;
- c. **Mengurangkan kebergantungan** terhadap pekerja asing di dalam bidang pekerjaan separa berkemahiran tinggi; dan
- d. **Mengoptimumkan tenaga kerja berkemahiran tinggi** bagi memenuhi kepelbagaian strategi pengambilan dan keperluan pekerja, serta menggalakkan penglibatan proaktif institusi akademik dalam pelan intervensi industri.

Sehingga Jun 2021, **20 institusi pengajian tinggi** dengan keterlibatan **lebih 50 industri** dari pelbagai sektor ekonomi antaranya elektrik & elektrik, *Global Business Services*, Industri Kesihatan, Keretapi dan Minyak & Gas telah terlibat secara langsung sepanjang pelaksanaan IAC.